

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Welcome Centre
Sent: Sunday, November 4, 2018 3:08 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: SEMANGAT PASKAL, PLATUN 1 MASIH KEKAL



04 NOVEMBER 2018 / 26 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: PLATUN 1

Gambar oleh: Anjung Tamu

SEMANGAT PASKAL, PLATUN 1 MASIH KEKAL



ANJUNG TAMU ONLINE: Empat tahun berlalu, nostalgia mengikuti Program Rejimental untuk Pegawai Tadbir tetap semarak bahkan mencengkam jiwa

setelah diuji ketahanan mental dan fizikal beberapa malam berada dalam kem di rimba hijau.

Lebih menarik, dalam keterujaan filem berjudul Paskal yang hangat ditonton umum malah mengangkat kisah perjuangan Pasukan Khas Laut (Paskal), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sekaligus menjadi inspirasi gegaran kepada Platon 1 bagi mengimbuai kenangan.

Hakikat sebenar, Platon 1 secara tidak langsung memasang impian untuk terus maju dan menggalas tanggungjawab yang diamanahkan dalam satu pasukan malah mempersiapkan diri agar tidak terkandas di tengah jalan.

Jelas, pengalaman program tersebut memberi impak yang sukar dihanyut begitu sahaja, akhirnya Platon 1 bersepakat untuk mengadakan pertemuan bagi menggilap memori yang dimulakan dengan bacaan doa selamat.

Menurut Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Wahe Anuar Mansor,

“Satu perjumpaan yang terbaik untuk mengeratkan ukhwah setelah 2014.”

Dalam pada itu, Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan, Salehuddin Salim, sejezus selepas menyambut hari ulangtahun beliau mengucapkan,

“Tahniah Welcome Centre! Boleh dijadikan destinasi untuk penganjuran acara kasual di sini.”

“Semua staf mantap!”

Sementara itu, Pegawai Keselamatan, Jabatan Keselamatan Nur Azimah Abdul Rahman pula berkata,

“Syukur, kehadiran Illahi kerana dengan TakdirNYA saya dapat bersama Platon 1 sewaktu Kem Rejimental Pegawai-Pegawai Tadbir tahun 2014.”

“Berkat bimbingan rakan-rakan senior, saya kini berkhidmat sebagai Pegawai Keselamatan di Jabatan Keselamatan.”

“Saya juga berterima kasih kepada pihak Pengurusan Universiti kerana memberi peluang untuk berkhidmat di bumi Sintok ini.”

“Alhamdulillah.”

Sementara itu bacaan doa diiring semasa perjumpaan Platon 1,

Tambah Ketua Penolong Pendaftar Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Mohd. Fairus Abd. Majid,

“Pertemuan setelah tamat Program Rejimental pada tahun 2014 menggamit kenangan suka duka ketika bersama dalam Platon 1.”

Beliau seterusnya membekalkan serangkap pantun untuk semua,

*“Berkain sampin tuju ke Pekan,
Pergi berdagang barang tembaga,
Ukhwah terjalin moga berkekalan,
Kasih sayang terbina hingga ke syurga.”*

=====
DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.